

07 DEC 1999

Pelantikan-Keliru

PENUNDAAN TARIKH ANGKAT SUMPAH TIMBUL KEKELIRUAN

SEREMBAN, 7 Dis (Bernama) -- Penundaan tarikh majlis mengangkat sumpah jawatan Menteri Besar dan anggota exco kerajaan negeri Negeri Sembilan, yang tidak sempat dimaklumkan kepada Anggota-anggota Dewan Undangan Kerajaan Negeri menyebabkan mereka pergi ke Istana Besar Seri Menanti di Kuala Pilah hari ini.

Majlis yang berlangsung di istana pagi tadi ialah istiadat pengurniaan darjah kebesaran dan pingat oleh Yang di-Pertuan Besar Tuanku Ja'afar sempena hari keputeraan baginda ke-77 baru-baru ini, yang jadual majlis itu telah dikeluarkan lebih awal.

Sebanyak 190 orang yang merupakan kumpulan terakhir daripada 628 orang penerima darjah kebesaran dan pingat menerima pingat masing-masing hari ini.

Setelah mengetahui majlis mengangkat sumpah jawatan itu yang pada mulanya juga dijadualkan bermula 9 pagi hari ini tidak diadakan dan Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad sendiri tiada, Anggota Dewan Undangan Negeri yang datang itu kemudian keluar pada 9.30 pagi, sebelum istiadat pengurniaan darjah kebesaran dan pingat bermula, kata seorang Anggota Dewan Undangan Negeri yang ditemui petang ini.

Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Mohamed Ali Abdul Samad ketika ditemui petang ini berkata penundaan tarikh itu tidak sempat dimaklumkan kepada wakil rakyat kerana keputusan penundaan itu dibuat petang semalam.

Tarikh bagi majlis mengangkat sumpah jawatan Menteri Besar dan anggota exco kerajaan negeri Negeri Sembilan akan diketahui esok.

Katanya majlis mengangkat sumpah itu tidak boleh diadakan hari ini kerana tempoh masa yang tidak sesuai kerana terdapat lebih 190 orang menerima darjah kebesaran dan pingat pada majlis pengurniaan darjah kebesaran dan pingat hari ini.

"Terlampau ramai, kalau nak selitkan mula pukul 9.30 pagi (majlis angkat sumpah), Datuk Undang kena datang pukul 8 pagi, macam mana pulak...jadi tak selesalah.

"Majlis ada bacaan doa, titah ucapan, ucapan Menteri Besar. Jadi tak sempat dalam tempoh 30 minit. Acara yang elok-elok macam angkat sumpah, takkanlah kita nak sangkut-sangkutkan," katanya.

Beliau juga berkata Yang di-Pertuan Besar bersetuju dengan senarai nama barisan anggota exco yang telah dikemukakan oleh Mohamed Isa kepada baginda semalam.

"Cuma hendak menetapkan tarikh sahaja," katanya.

Mohamed Isa semalam menyerahkan kepada Yang di-Pertuan Besar, surat daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai cadangan parti supaya beliau (Mohamed Isa) menerajui kerajaan negeri serta cadangan nama-nama anggota exco.

Sabtu lepas, Mohamed Isa berkata majlis mengangkat sumpah Menteri Besar dan exco negeri akan diadakan pukul 9 pagi hari ini.

--BERNAMA

AZ MAI